

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 8 TAHUN 2023**

**PERWAKILAN KUASA BAGI KELULUSAN PERMOHONAN TUKAR SYARAT KEPADA  
BANGUNAN DI BAWAH SEKSYEN 124 DAN PINDAHMILIK TANAH KEPADA MELAYU  
ANAK KELANTAN DI BAWAH SEKSYEN 120  
KANUN TANAH NEGARA 1965**


---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 17/2023 yang bersidang pada 06hb September 2023, telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa Yang Berhormat Hilmi bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar dibawah Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358] dan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1956 bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan berikut mulai 6hb September 2023 melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U.No.1887/2023 bertarikh 26hb Oktober 2023 sebagaimana lampiran berkembar.

<u>Peruntukan-Peruntukan</u>	<u>Syarat-Syarat dan Sekatan-Sekatan</u>
Seksyen 124	:Kuasa meluluskan mana-mana permohonan untuk menukar jenis kegunaan tanah kepada "Bangunan"
Kanun Tanah Negara 1965	
Seksyen 120	:Kuasa meluluskan kebenaran pindah milik keatas tanah yang mempunyai sekatan kepentingan kepada "Melayu Anak Kelantan".
Kanun Tanah Negara 1965	

2 Dengan perwakilan kuasa ini, Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U.No.1947/2015 bertarikh 24hb. September 2015 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil.17/2015 adalah terhenti pemakaianya.

3 Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.



DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K.(Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN.

**KEPADА:**

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN

NO.FAIL : PTG.KN.11/6/1 JLD.2 (37)  
BERTARIKH : 23 RABIUL AKHIR 1445H  
07 NOVEMBER 2023



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 76  
No. 43

**26hb Oktober 2023**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956 (AKTA 358)

&

KANUN TANAH NEGARA 1965 (AKTA 828)

No. 1887.

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8 AKTA PERWAKILAN  
KUASA 1956 DAN SEKSYEN 13 KANUN NEGARA 1965

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 dan Seksyen 13 dalam Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada Pegawai yang diperihalkan dalam Ruang (1) Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam Ruang (2), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam Ruang (3) Jadual tersebut, mulai dari 06 September 2023.

2. *Warta Kerajaan Kelantan KN. P.U. No. 1947/2015 berkenaan peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam Ruang (2) kepada Jadual yang mewakilkan kepada Pegawai yang diperihalkan dalam Ruang (1) kepada Jadual adalah dibatalkan.*

# WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1796

[26hb Okt. 2023]

## JADUAL

(1) Pegawai	(2) Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan sekatan-sekatan
YB Hilmi bin Abdullah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar	(i) Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965	Kuasa meluluskan mana-mana permohonan untuk menukar jenis kegunaan tanah kepada “Bangunan”.
	(ii) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965	Kuasa meluluskan permohonan pindahmilik di bawah peruntukan yang dinyatakan di Ruang (2)(ii) kepada Melayu Anak Kelantan

DELEGATION OF POWERS ACT 1956 (Act 358)

&

NATIONAL LAND CODE 1965 (Act 828)

## DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 8 DELEGATION OF POWERS ACT 1956 & SECTION 13 OF THE NATIONAL LAND CODE 1965

In exercise of the powers conferred by Section 8 Delegation of Powers Act 1956 and Section 13 of the National Land Code 1965, the State Authority hereby delegates to the officers as described in Column (1) of the Schedule to exercise or perform the powers vested on him by virtue of the provisions as described in Column (2), subject to such conditions and restrictions as described in Column (3) of the Schedule, with effect from 06 September 2023.

2. Government of Kelantan *Gazette* KN.P.U. No. 1947/2015 pertaining to the provisions as specified in Column (2) of the Schedule and pertaining to the Officers as specified in Column (1) of the said Schedule are hereby revoked.

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

26hb Okt. 2023]

1797

SCHEDELE

(1) Officers	(2) Provisions	(3) Conditions and Restrictions
YB Hilmi bin Abdullah Chairman of Local Authority, Housing, Health and Environment Committee	(i) Section 124 National Land Code 1965  (ii) Section 120 National Land Code 1965	Power to approve any application to alter the category of land use to “Building”.  Power to approve any ap- plication to transfer under the provisions described in Column (2) (II) to the Malay Native of Kelantan
Bertarikh 06 September 2023 Dated 06 <sup>th</sup> September 2023 [SUK(S)D.200/472/5/2/JLD 83 (99); PTG.KN.12/3/69]		HJ. MOHAMAD BIN OTHMAN <i>Setiausaha</i> <i>Majlis Mesyuarat Kerajaan</i> <i>Kelantan /</i> <i>Clerk of State Executive Council</i> <i>Kelantan</i>